HARI MINGGU 29 NOVEMBER 2026		
PENGUCAPCARA	The Revd Ron Bunchol	
PENGKHUTBAH	The Revd Lawrence Wah Onn	
BACAAN PERTAMA	Yesaya 64:1-9	Sdri Franchelle Nicol
BACAAN KEDUA	1 Korintus 1:3-9	Sdri Hazel Lia Ping
INJIL	Markus 13:24-37	Reader Gabriel Henry Ajin
PENDOA SYAFAAT	Sdri Lindon Jambu	

KEAHLIAN GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk bersama-sama merealisasikan **VISI** dan **MISI** Gereja kita, anda digalakkan untuk bertemu dengan mana-mana ahli-ahli **TIM PASTORAL** untuk mendapat maklumat lanjut.

Untuk menjadi **AHLI BERDAFTAR GEREJA**, sila isi **BORANG PENDAFTARAN** yang boleh didapati daripada para penyambut tetamu. **Menjadi ahli Gereja adalah sangat penting untuk semua orang Kristian.**

PEMBERIAN KEPADA DANA-DANA GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk memberi dengan murah hati kepada mana-mana dana-dana Gereja kita, anda boleh melakukannya secara tunai atau cek melalui sampul surat yang tersedia, menggunakan kod-kod QR di bawah atau atas talian ke akaun bank Gereja kita seperti yang tertera di bawah. Tuhan kita bersuka cita dengan sesiapa yang memberi dengan murah hati.

PEMBAPTISAN UNTUK KANAK-KANAK

Pembaptisan boleh dilakukan pada hari Sabtu ke 4 setiap bulan. Isikan borang dan hantarkan ke Pejabat.

TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH

No. 262, Lorong Song 1, Tabuan Heights, 93350 Kuching, Sarawak, MALAYSIA.
Tel: 082-369333 / 504372Tel. Bimbit: 013-8383436 Emel: office@tjac.org.my
Laman web: www.tjac.org.my Facebook: tjackuching Instagram: tabuanjayaanglican
Vicar: The Revd Richard Chang Paderi: The Revd. Lawrence Wah Onn , The Revd Ron Bunchol
Sub-Deacon: Helen Chan, John Cheong, Irvin Lim, Gabriel Henry, Frank Jitab, Yap Min Su

PAY GLOBAL
Towards Cashless Lifestyle

Dana Bangunan Gereja | Dana Misi | Pemberian Hari Minggu | Persepuluhan

AKAUN BANK DANA AM GEREJA

Public Bank
3207398133

Sila hantar slip bank ke Pejabat Gereja melalui WhatsApp di 013-8383436 dan nyatakan tujuan transaksi itu.

DIOCESE OF KUCHING

TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH

VISI MENJANGKAUI untuk KRISTUS seluas-luasnya bermula daripada Tabuan Jaya

MISI Membina satu KOMUNITI KRISTIAN yang MENGASIHI dan MENGENALI KRISTUS dan berusaha untuk MEMBERITAKAN DIA kepada ORANG LAIN

TEMA 2026 **BIARLAH SABDA KRISTUS MENETAP DALAM DIRIMU DENGAN SEGALA KEKAYAAN DAN KEBIJAKSANAANNYA. (KOLOSE 3:16)**

BURAK	KRISTUS TI RAJA	22 NOVEMBER 2026
KETUAI SEMBIANG	The Revd Ron Bunchol	
JAKU AJAR	Reader Gabriel Henry Ajin	
BACA KETERUBAH	Esekiel 34:11-16, 20-24	Sdri Helen Jungkin
BACA KEDUA	Efesus 1:15-23	Sdri Liba Bikoi
INJIL	Matthew 25:31-46	Reader Gabriel Henry Ajin
SAMPI PINTA	Sdri Franchelle Nicol	

SAMPI UNGKUPKA SEHARITU

Apai ti endang meruan, Anak Nuan Jesus Kristus, udah niki ka Serga, ngambi ka Iya nyadi Tuhan Rajah ti bekuasa atas semoa utai. Kami besampi minta Nuan nyaup Eklisa Nuan, awak ka kami tau segempong dalam Roh, lalu diau enggau pemaik, lalu bai semoa utai ti udah digaga Nuan Apai, enggau Roh Kudus, endang Petara siko aja, ari diatu, lalu datai ka belama-lama Iya. Amen

SAMPI UDAH NYAMBUT

Tuhan Allah, kami minta Nuan merangsang ati anembiak Nuan, ngambi ka kami ulih ngemansut ka mayoh asil pengawa ti manah, awak ka kami tau nerima ari nuan upah ti besai, ulih Jesus Kristus anak Nuan Tuhan kami. Amen

SELAMAT DATANG KE GEREJA ANGLIKAN TABUAN JAYA

Selamat datang kepada semua yang bersama kita menyembah Tuhan hari ini, lebih-lebih lagi bagi mereka yang datang buat pertama kali.

MALAM DOA KORPORAT

Tarikh**: 25 November 2026** Waktu: 7:45 malam Tempat: Chapel

Marilah kita datang bersama-sama menyokong jemaat dalam doa. Tema doa ialah **Pray for the Healing of the Land of Laos** yang akan diketuai oleh Sd Irvon Lim. Marilah kita datang bersama-sama menyokong jemaat dalam doa.

Zoom ID: 88129027235 Passcode: 998112

UCAPAN PENGHARGAAN

Terima kasih kerana menjadikan Hari Keluarga Gereja pada tahun ini begitu meriah dan penuh bermakna. Sama ada anda menyertai acara *walkathon*, mengunjungi gerai jualan amal, memakai baju-T Hari Keluarga kita, mahupun hadir untuk menjalani pemeriksaan kesihatan, sokongan anda benar-benar membawa perubahan yang besar. Kemurahan hati anda bukan sahaja mengeratkan hubungan sesama kita, malah turut membantu menggerakkan misi gereja ke hadapan. Setiap langkah yang diatur dan setiap pembelian yang dibuat menyokong dana Gereja serta membantu menampung perbelanjaan kita. Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur, ahli sel rumah, serta para sukarelawan yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini. Melihat semua pihak saling memberi dorongan merupakan peringatan yang indah tentang erti sebenar menjadi sebuah keluarga gereja. Tuhan memberkati anda semua. Kami amat menantikan untuk berkongsi lebih banyak detik istimewa bersama-sama pada masa akan datang

KEKOSONGAN JAWATAN - PEKERJA AM

Kelayakan Minimum: Tamat Tingkatan 3 atau kelayakan yang setaraf
Keperluan: Bertanggungjawab, rajin, jujur, dan mampu melaksanakan tugas-tugas am.
Sanggup belajar.
Gaji: Gaji akan disediakan mengikut APG Gereja 9.1a
Manfaat: KWSP dan manfaat pekerjaan statutori yang lain
Tarikh tutup: **30 November 2026**
Pemohon yang berminat dijemput untuk mengemukakan permohonan berserta dokumen berkaitan kepada:

Tabuan Jaya Anglican Church
No. 262, Lorong Song 1, Tabuan Heights, Kuching, Sarawak.

Hanya calon yang disenarai pendek akan dihubungi

KUTIPAN KEDUA UNTUK MANGSA KEBAKARAN

Kita akan mengadakan kutipan kedua untuk menolong mangsa kebakaran yang berlaku pada **14 November 2026** di. Rh. Tr.Anyie Rajit, Matop, Spaoh in Betong. Terima kasih atas sumbangan anda

PERARAKAN KRISMAS 2026
TEMA: "DAMAI"

Tarikh: **5 Disember 2026** (Sabtu) Masa Berkumpul: 6:00 petang
Tempat Berkumpul: MBKS Jubilee Ground
Sila hantar nama kepada Urusetia jika berminat

SERVIS GABUNGAN KRISMAS 2026

Tarikh: **17 Disember 2026** (Khamis) Masa: 7:30 malam
Tempat: ACS Christian Ecumenical Worship Center, Jalan Stampin, Kuching.
Tuan Rumah: Gereja Roman Katolik

PERHIMPUNAN KRISMAS TJAC 2026

Tarikh: **19 Disember 2026 (Sabtu)** Waktu: 6:00 - 9:00 malam
Tempat : Tabuan Jaya Anglican Church
RM30 seorang (termasuk 1 minuman + 1 aiskrim)

JAMUAN KRISMAS UNTUK KANAK-KANAK BMSC

Krismas Parti untuk kanak-kanak sekolah minggu akan diadakan pada **20 Disember 2026** di Sekolah Minggu tingkat 2. Hari itu adalah sesi terakhir sekolah minggu untuk tahun 2026. Sesi baru akan bermula pada 10 Januari 2027. Diharapkan semua ibu bapa dapat menghantar anak2 pada hari itu untuk sama2 meraikan majlis itu. Jamuan adalah percuma

IKRAR PEMBIAYAAN 3 PROJEK PENINGKATAN DI TJAC

Tabung Ikrar untuk melaksanakan 3 projek peningkatan akan dilanjutkan ke 2026. Projek-projek tersebut ialah:

1. pembinaan awning di beranda (lobi),
2. pembinaan bumbung dari beranda (lobi) ke Parish House,
3. mengubahsuai Chapel.

Jumlah dana yang diperlukan adalah RM120,000.

Letakkan wang tunai dalam sampul surat dan tuliskan "Projek", serta nama anda dan masukkan ke dalam kotak yang disediakan. Pembayaran dalam talian juga boleh dibuat ke Akaun Public Bank TJAC No. 3207398133. Bayaran boleh dibuat sekarang
Jumlah diterima sehingga **3 November 2026 ; RM103,000.00.**

***Sila ambil perhatian; pagar Gereja ditutup pada pukul 10:00malam setiap malam.**



Tolong senyapkan telefon bimbit anda semasa Kebaktian.
Terimakasih atas kerjasama anda semua